



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di Kuala Lumpur dan Selangor yang masih sah tempohnya dalam **Gred G1, Kategori ME dan Pengkhususan M01 (Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)** bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA : PSM/BKEW/S/2023/25(A)

TAJUK SEBUT HARGA : KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MEMBAIK PULIH KEROSAKAN ALAT PENGHAWA DINGIN JENIS (SPLIT UNIT) SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI KUALA LUMPUR SPORTS CITY

TARIKH IKLAN : 27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 4 DISEMBER 2023 (ISNIN)
JAM 12.00 TENGAH HARI**

1. Dokumen Meja boleh disemak di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat bermula **27 November 2023 (Khamis)**.
2. Lawatan tapak adalah **DIGALAKKAN**. Penyebut harga dinasihatkan supaya melawat tapak sebelum mengemukakan sebut harganya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan lokasi tapak yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah perkhidmatan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan lokasi tapak tidak akan dilayan.
3. Dokumen sebut harga boleh diambil bermula pada **27 November 2023 (Isnin)** di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur**. Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa pengambilan sebut harga.

4. Bagi tujuan pengambilan dan penyerahan dokumen sebut harga, hanya satu (1) orang sahaja sama ada pemilik / wakil yang dibenarkan untuk satu (1) sebut harga yang dikeluarkan oleh Perbadanan.
5. Jika tidak hadir sendiri, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan wakil yang telah ditauliahkan. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat yang sah sahaja.
6. Pemilik / wakil dari syarikat lain tidak dibenarkan untuk mengambil dan menyerahkan dokumen sebut harga bagi syarikat bukan miliknya.
7. Penyebut harga hendaklah mencatatkan Tajuk dan No. Sebut harga di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada 4 Disember 2023 (Isnin). Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**
8. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
9. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
10. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan sebut harga ini.
11. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

Mohd Fairus Abadi bin Midin
(fairus@stadium.gov.my)

012-2575738

Dokumentasi

Yusyahira Azni binti Che Mohd Azmi
(yusyahira@stadium.gov.my)

03-8992 0834